



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



CABARAN PENDIDIKAN PELAJAR BUMIPUTERA LUAR BANDAR DI SABAH SELEPAS MERDEKA

CHALLENGES OF EDUCATION OF NATIVE RURAL STUDENTS IN SABAH AFTER INDEPENDANT

Sharifah Darmia Sharif Adam¹, Mohd Sohaimi Esa^{2*}, Irma Wani Othman^{3*}, Jais Abdul Hamid⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.

Emel: shdarmia@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.

Emel: msahaimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.

Emel: irma@ums.edu.my

⁴ IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah, Malaysia.

Emel: jahwin2009@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 30.09.2022

To cite this document:

Adam, S. D. S., Esa, M. S., Othman, I. W., & Hamid, J. A. (2022). Cabaran Pendidikan Pelajar Bumiputera Luar Bandar di Sabah Selepas Merdeka. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 819-833.

DOI: 10.35631/IJEPC.747060

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini akan membincangkan tentang cabaran pendidikan terhadap pelajar bumiputera luar bandar di Sabah. Pada era globalisasi ini, kemajuan pendidikan menjadi salah satu asas utama dalam pembangunan negara. Pembangunan sistem pendidikan menjadi satu pelaburan yang bukan sahaja dapat menjamin kemakmuran negara tetapi juga melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi pada masa akan datang. Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan keunikan masyarakat bumiputeranya terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Di negeri ini, pembangunan dalam bidang pendidikan sentiasa mendapat perhatian pihak kerajaan, pemimpin mahupun masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun usaha pembangunan dalam bidang pendidikan ini tidaklah mudah kerana terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Oleh itu, perbincangan dalam artikel ini difokuskan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang menjadi halangan terhadap pembangunan pendidikan pelajar bumiputera yang tinggal di kawasan luar bandar selepas Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963. Artikel ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif, kaedah kajian arkib dan kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder seperti *The Annual Summary Report of The Education Dept. 1962*, *North Borneo Annual Report 1952*, akhbar, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Dapatan kajian ini menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk memperbaiki atau merangka polisi baru

untuk meningkatkan lagi kemajuan pembangunan pendidikan pelajar bumiputera luar bandar di Sabah.

Kata Kunci:

Cabaran, Pendidikan, Pelajar, Bumiputera, Luar Bandar dan Sabah.

Abstract:

This article will discuss the educational challenges for native rural students in Sabah. In this era of globalization, the advancement of education has become one of the main foundations in the development of the country. The development of the education system is an investment that can not only ensure the prosperity of the country but also produce knowledgeable and highly skilled human capital in the future. Sabah is one of the states that is famous for the uniqueness of its native community consisting of various ethnicities and cultures. In this state, development in the field of education always gets the attention of the government, leaders and the local community. However, development efforts in the field of education is not easy because there are challenges that need to be faced. Therefore, the discussion in this article is focused on identifying the challenges that hinder the educational development of native students living in rural areas after Sabah achieved independence in 1963. This article uses a qualitative analysis approach, archival research methods and library research. analyzing various primary and secondary sources such as The Annual Summary Report of The Education Dept. 1962, North Borneo Annual Report 1952, newspapers, books and articles to obtain sources of study information. The findings of this study produce an analysis that can be used as a reference to improve or formulate new policies to further enhance the educational development of native rural students in Sabah.

Keywords:

Challenges, Education, Students, Native, Rural and Sabah

Pengenalan

Sabah atau dikenali sebagai “Negeri di Bawah Bayu” merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kaya dengan warisan budaya tradisinya. Menurut Mat Zin Mat Kib (2005), terdapat lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek. Selain itu, berdasarkan Sharifah Darmia Binti Sharif Adam (2019), masyarakat Sabah turut mempunyai agama dan amalan adat resam yang berbeza menjadikannya sebagai sebuah negeri yang istimewa. Menurut Mat Zin Mat Kib (2016), etnik dan suku etnik bumiputera yang terdapat di Sabah adalah seperti seperti Abai, Alumbai, Baukan, Begahak, Bajau, Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Gana, Garo. Gonsomon, Idahan, Kadazan, Kalabakan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Naaboi, Nu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinambu, Sinandapak, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sukpan, Sundayo, Tagalas, Tagalog, Tagol, Talantang, Tangara, Tatana, Tidung, Timugon, Tinagas, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawan, Tutung, Brunei, Balingingi atau Balaguigui, Cocos, Cagayan, Suluk, Sungai, Iranun dan Murut.

Dari segi latar belakang pentadbiran, Nicholas Tarling (1975) menyatakan bahawa Sabah atau juga dikenali sebagai Borneo Utara pernah berada di bawah pemerintahan kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu. Kemudian, menurut Siti Aidah Lokin (2007), antara tahun 1881 hingga 1941 Sabah ditadbir oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Seterusnya berdasarkan Sabah dan Yayasan Sabah (1974), Sabah jatuh dibawah pentadbiran tentera Jepun apabila meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941. Namun demikian, pentadbiran tentera Jepun tidak lama kerana menjelang tahun 1945 Jepun mengalami kekalahan dalam perang menyebabkan tentera Jepun mengundurkan diri daripada tanah jajahannya termasuklah Sabah.

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1946, pentadbiran Sabah kembali dikuasai oleh SBBUB. Namun, menurut Haji Buyong Adil (1981), pada 26 Jun 1946 SBBUB membuat satu perjanjian dengan pihak kerajaan British untuk menyerahkan semua haknya di Sabah kepada kerajaan British dan sebagai balasannya, kerajaan British membayar sebanyak 860,000 Pound kepada SBBUB. Melalui penyerahan tersebut, pentadbiran Sabah beralih daripada SBBUB kepada pihak kerajaan British. Seterusnya, dalam *Perjanjian dan Dokumen lama Malaysia* (2013), Persekutuan Malaysia dibentuk melibatkan gabungan Negeri-negeri Melayu di semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963. Serentak itu, Sabah turut mencapai kemerdekaan dan menjadi salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia berdaulat sehingga ke hari ini.

Dari segi petempatan pula, secara umumnya didapati bahawa petempatan penduduk bumiputera Sabah adalah agak berselerak mengikut kawasan tertentu khususnya di kawasan pedalaman dan persisiran pantai. Sebagai contohnya, penduduk bumiputera bukan Islam seperti Dusun, Murut dan Rungus menetap di kawasan pedalaman atau luar bandar yang membolehkan mereka menjalankan aktiviti bercucuk tanam dan memburu binatang. Antara kawasan petempatan etnik Dusun adalah lembah Kudat, Tempasuk, Tuaran, Penampang, Papar, Ranau, Tambunan dan Keningau. Selain itu, menurut laporan yang terdapat dalam North Borneo Central Archieve No. 1419; North Borneo Central Archieve 1436; *The British North Borneo Herald*, 17 January 1938; *North Borneo News*, 1 Mac 1951, etnik tersebut memilih tinggal di kawasan luar bandar untuk mengelakkan terperangkap dalam peperangan, rompakan dan pembunuhan yang sering berlaku di Teluk Marudu, Teluk Gaya, Teluk Kimanis dan Teluk Brunei.

Sementara itu, menurut Siaran Perangkaan Tahunan Sabah (1972), etnik Melayu-Brunei pula tertumpu di kawasan petempatan sepanjang Pantai Barat Sabah seperti Sipitang, Weston, Menumbok, Labuan, Kuala Penyu, Kota Klias, Membakut, Bongawan, Kimanis, Benoni dan Papar. Manakala bumiputera lain seperti Bajau Pantai Barat menetap di sepanjang Pantai Barat seperti Kawang, Papar, Kota Belud, Penampang dan Tuaran manakala Bajau Pantai Timur tinggal di sekitar Semporna, Tawau, Sandakan dan Teluk Darvel. Berdasarkan pola petempatan tersebut, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan daripada etnik bumiputera Sabah menetap di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Perkembangan Awal Pendidikan di Sabah

Berdasarkan sejarah, pendidikan di Sabah telah pun wujud sejak zaman pentadbiran kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu lagi. Menurut K.M. George (1981), semasa di bawah pemerintahan kesultanan Brunei, masyarakat Islam di Sabah mempunyai pendidikan yang berasaskan pengajian Al-Quran yang kemudiannya berkembang sehingga wujudnya madrasah. Namun demikian, ketika itu pendidikan adalah dalam bentuk tidak formal yang difokuskan terhadap

pembacaan kitab-kitab agama manakala aktiviti pembelajaran pula dilakukan di surau, masjid dan pondok sahaja. Selain itu, Mohd. Nor Bin Long (1978) turut menyatakan bahawa kanak-kanak juga diajar tulisan Jawi di samping pelajaran berternak, bersawah, nelayan, bertukang, menganyam dan sebagainya. Sementara itu, guru-guru yang mengajar terdiri daripada kalangan mereka yang difikirkan berilmu.

Bagi etnik peribumi yang lain pula, menurut K.M. George (1981) pendidikan berlaku secara tidak langsung melalui tunjuk ajar daripada ibu bapa, upacara atau perayaan-perayaan tertentu seperti kematian, perkahwinan dan pesta menuai. Sebagai contohnya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan pergunungan atau pedalaman kanak-kanak akan diajar mendaki bukit, menyempit, berburu binatang, memanjat dan sebagainya. Biasanya segala adat resam dan kebudayaan dipelajari oleh golongan muda menerusi sosialisasi. Oleh itu, jelaslah bahawa pendidikan awal di Sabah adalah lebih mementingkan survival masyarakat bumiputera.

Secara umumnya, pengenalan kepada sistem pendidikan yang formal di Borneo bermula dengan kedatangan syarikat Inggeris berserta dengan mubaligh Kristian pada abad akhir abad ke-18. Namun demikian, kapitalis Inggeris pada ketika itu mengambil dasar untuk mengutamakan eksploitasi sumber ekonomi terhadap tanah jajahannya menyebabkan aspek pendidikan kurang diberikan perhatian. Walau bagaimanapun, menurut Sufean Hussin (2002), mubaligh-mubaligh Kristian telah mengambil inisiatif mengadakan pendidikan dengan mendirikan sekolah-sekolah yang menggunakan nama seperti Methodist, Katolik, Le Selle atau Anglican. Antara tujuan mubaligh-mubaligh mendirikan sekolah adalah untuk menyebarkan agama Kristian, pendidikan bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Kesihatan, Sejarah Eropah dan Geografi dalam kalangan penduduk pribumi Sabah.

Secara khususnya di Sabah, pendidikan formal bermula di bawah pentadbiran Syarikat SBBBU. Walau bagaimanapun, berdasarkan Abd. Hakim Mohad (2003), disebabkan dasar pentadbiran SBBBU adalah untuk mengeksploitasi sumber ekonomi Sabah dan tidak campur tangan dalam hal ehwal masyarakat bumiputera Sabah ataupun masyarakat Cina yang terdapat di Sabah menyebabkan aspek pendidikan dikembangkan secara persendirian oleh badan mubaligh Kristian dan masyarakat Cina sendiri tetapi dengan bantuan dana peruntukan daripada SBBBU. Dengan kata lain, walaupun dasar SBBBU jelas tidak memberikan fokus terhadap pendidikan masyarakat pribumi di Sabah tetapi secara tidak langsung sumbangan SBBBU dalam bentuk peruntukan kewangan telah membantu perkembangan pendidikan di negeri tersebut.

Berhubung penubuhan sekolah-sekolah di Sabah didapati pada tahun 1883 sebuah sekolah rendah aliran Inggeris ditubuhkan di Sandakan oleh Persatuan Mubaligh Katolik. Diikuti pada tahun 1887, sebuah lagi sekolah Inggeris ditubuhkan di Inobong kira-kira 16 kilometer dari Jesselton (Kota Kinabalu) yang juga dikelolakan oleh Persatuan Mubaligh Katolik. Menurut Mook Soon Sang (2002), pada tahun 1891 terdapat 2 lagi sekolah mubaligh yang dibuka di Sandakan dikelola oleh Persatuan Mubaligh Protestan dan sebuah sekolah Convent yang hanya ditubuhkan khas untuk kanak-kanak perempuan. Kemudian, pada awal abad ke 20 Sabah telah mempunyai 7 buah sekolah rendah mubaligh. Jumlah sekolah yang dikelolakan oleh mubaligh di Sabah terus meningkat apabila pada tahun 1911 terdapat sebanyak 13 buah sekolah aliran Inggeris ditubuhkan.

Selain persatuan mubaligh Kristian, sekolah juga turut didirikan secara persendirian oleh orang Cina untuk anak-anak mereka. Hal ini kerana pada penghujung abad ke-19, terdapat ramai

orang Cina berhijrah ke Jeselton dan Sandakan untuk mencari nafkah dan kemudian menetap di Sabah. Dari segi sejarah, hubungan antara Sabah atau Borneo Utara dengan China telah lama wujud tetapi kedatangan mereka secara beramai-ramai adalah ketika di bawah pentadbiran kolonial British. Menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), ramai orang Cina mendiami kawasan-kawasan bandar dan mereka bekerja sebagai peniaga, pekedai, buruh ladang getah dan perusahaan kayu balak. Terdapat 5 kumpulan orang Cina yang dapat dibezakan melalui loghat mereka iaitu Hakka, Cantonese, Hokkien, Teowchewa dan Hailam. Boleh dikatakan hampir setiap daerah di Sabah ada orang Cina dan ramai yang berkahwinan dengan wanita dari etnik pribumi Dusun hingga menghasilkan keturunan Sino-Kadazan atau Dusun. Oleh itu, Mook Soon Sang (2002) menyatakan pada tahun 1911 terdapat 8 buah sekolah rendah persendirian aliran Cina ditubuhkan.

Perkembangan pendidikan di Sabah seterusnya dapat dilihat melalui penubuhan sekolah Melayu pertama ditubuhkan di Jeselton pada tahun 1915 untuk melatih anak-anak Ketua Negeri selama 3 tahun dalam bahasa pengantar bahasa Melayu. Menurut Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya (1983), pada tahun 1919 ditubuhkan sebuah Jabatan Pelajaran dan nazir-nazir sekolah dilantik untuk Pantai Timur dan Pantai Barat. Kemudian antara tahun 1921 hingga 1922, beberapa sekolah rendah Melayu di buka di Kota Belud, Papar, Menombok dan Keningau. Manakala berdasarkan Mook Soon Sang (2002), guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut diambil daripada negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu. Jumlah sekolah di Sabah semakin meningkat apabila pada tahun 1926, terdapat sebanyak 89 buah sekolah di negeri tersebut dengan jumlah murid sebanyak 3,142 orang terdiri daripada sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sesetengahnya mengajarkan bahasa Kadazan Dusun. Selain itu, terdapat juga penubuhan 6 buah sekolah menengah rendah yang telah ditubuhkan pada 1930-an dan semua sekolah tersebut dikelola oleh persatuan mubaligh. Peningkatan jumlah penubuhan sekolah-sekolah di Sabah adalah agak lambat kerana SBBBU kurang berminat terhadap hal kemajuan pendidikan masyarakat bumiputera. Sebagai contohnya, pada tahun 1934 kekurangan sekolah dan bilangan murid dapat dilihat melalui jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1
Jumlah Sekolah dan Murid Sekolah Pada Tahun 1934

Jenis Sekolah	Sekolah	Murid
Sekolah Kerajaan (sekolah rendah darjah 1 hingga darjah 5)	8	400
Mubaligh	45	2,150
Tanpa bantuan	56	2,000
Jumlah	109	4,550

Sumber: Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9.

Jadual 1 dengan jelas menggambarkan perkembangan pendidikan di Sabah yang ketinggalan daripada negeri-negeri lain. Faktor utama berlakunya situasi ini boleh dikatakan adalah disebabkan sikap pentadbir Sabah yang ibarat pepatah Melayu “melepas batuk ditangga” sahaja. Aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah diserahkan kepada mubaligh-mubaligh Kristian yang terdiri daripada paderi lelaki dan wanita untuk mengajar di sekolah-sekolah.

Menyentuh mengenai persoalan pendidikan anak-anak bumiputera Sabah, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), tidak dinafikan kebanyakan anak-anak ini mendapat pendidikan percuma di sekolah-sekolah rendah kerajaan yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Walau bagaimanapun didapati perkembangan pendidikan mereka adalah terbatas. Keterbatasan ini disebabkan oleh cabaran yang dihadapi seperti lokasi kawasan penempatan atau kampung-kampung masyarakat bumiputera ini yang terletak di daerah kawasan luar bandar ataupun jauh di pedalaman. Kedudukan geografi kampung yang jaraknya jauh antara satu sama lain menjadi faktor utama pihak pentadbiran ketika itu tidak banyak membina sekolah. Situasi bertambah sulit apabila perhubungan juga terhad kerana tiada jalan raya penghubung antara kampung-kampung yang terpisah. Hal ini dapat dilihat apabila sekolah-sekolah mubaligh kebiasaannya didirikan di kawasan persisiran yang mudah perhubungannya seperti daerah Sandakan, Jesselton, Labuan, Papar, Putatan dan Kudat.

Malahan menurut Abd. Hakim Mohad (2003), pihak pentadbiran SBBBU juga turut membina beberapa buah sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat pendidikan rendah walaupun dalam suasana serba kekurangan. Kenyataan ini jelas apabila pada tahun 1939, terdapat 28 daripada 142 buah sekolah kerajaan yang dikendalikan oleh SBBBU dengan jumlah pelajar seramai 1,663 orang. Berdasarkan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2003) dalam tempoh yang sama terdapat 7 buah sekolah mubaligh dan 4 buah sekolah Cina turut ditubuhkan. Oleh itu, K.G. Tregonning (1965) menyatakan menjelang tahun 1940 terdapat seramai 10,993 orang murid yang berdaftar di sekolah Melayu, sekolah mubaligh dan sekolah Cina di Sabah.

Bidang pendidikan di Sabah mengalami perubahan ketara ketika berada dibawah pentadbiran Jepun mulai Januari 1942 hingga Jun 1945. Berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978), Ketika di bawah pentadbiran tentera Jepun, semua sekolah yang didirikan sebelum Perang Dunia Kedua disusun semula di bawah satu sistem *Ko Min Gakko*. E.R. Perry, *North Borneo Annual Report of the Education Department For 1950* turut menyatakan pelbagai arahan dikeluarkan oleh pentadbiran tentera Jepun kepada guru-guru mengenai penyata bulanan, cuti umum Jepun, sukatan pelajaran dan jadual waktu. Semua sekolah di Sabah digunakan untuk mengajar bahasa Jepun sahaja.

Apa yang menariknya, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978) lagi, semasa di bawah pentadbiran tentera Jepun, sekolah-sekolah beraliran Melayu dikekalkan walaupun tidak dipelihara dengan baik. Terdapat bangunan sekolah terbiar dan alat-alat persekolahan banyak yang hilang. Malahan sistem *Ko Min Gakko* yang diperkenalkan pihak pentadbiran tentera Jepun sebenarnya hanyalah semata-mata untuk tujuan propaganda supaya mereka mendapat sokongan daripada rakyat bumiputera di Sabah. Oleh itu, tidak hairanlah apabila sistem tersebut adalah satu sistem yang kucar kacir. Tentera Jepun kemudiannya menyerah kalah dan berundur dari negeri Sabah pada tahun 1946. SBBUB kemudiannya kembali untuk mentadbir di Sabah.

Oleh itu, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), untuk memperbaiki semula sistem pelajaran Sabah yang kucar kacir semasa pentadbiran tentera Jepun, seorang pegawai tentera British berpangkat major bernama R.E. Perry dilantik mengetuai Jabatan Pelajaran. R.E. Perry selaku Pengarah Pelajaran yang bertanggungjawab menyediakan Rancangan Perkembangan Pendidikan bagi tempoh antara tahun 1947 hingga 1954. Melalui rancangan tersebut, Mook Soon Sang (2002) pula menjelaskan bahawa polisi pendidikan digubal dengan tujuan membekalkan pendidikan dasar kepada semua anak-anak di Sabah dan penekanan diberikan terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris, pendidikan kesihatan dan pertanian.

Walaupun demikian, setelah diteliti didapati dasar pendidikan di bawah pentadbiran British kepada masyarakat bumiputera di Sabah hanya tertumpu di peringkat sekolah rendah manakala pendidikan di peringkat menengah pula tidak ditekankan. Keadaan ini menyebabkan hanya segelintir anak-anak bumiputera Sabah mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah melalui sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian dan biasanya mereka terdiri daripada kalangan anak-anak golongan berada dan berkedudukan baik. Selain itu dari segi mata pelajaran yang diajar disekolah pula, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), dasar pelajaran dalam tempoh itu difokuskan terhadap pelajaran pertanian. Secara khususnya, melalui dasar tersebut setiap sekolah mempunyai sebuah kebun yang ditanam dengan pelbagai jenis sayur-sayuran. Di samping itu, murid-murid juga diajar cara-cara menganyam, membuat senduk, sabun dan sebagainya. Dengan demikian, jelaslah bahawa pendidikan sebegitu hanyalah bagi membolehkan anak-anak menggantikan pekerjaan orang tua mereka apabila mereka tamat persekolahan.

Berdasarkan *North Borneo Annual Report 1952* (1952), pada tahun 1952 terdapat sejumlah 22,991 orang murid yang bersekolah di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah di Sabah. Namun seramai 15,526 daripada jumlah keseluruhan murid tersebut terdiri daripada kanak-kanak berketurunan Cina yang kebiasaannya menetap di kawasan bandar. Pecahan jumlah murid-murid dalam tahun 1952 dapat dilihat melalui jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2
Jumlah Murid-murid Mengikut Etnik Pada Tahun 1952

Etnik	Jumlah Murid
Cina	15,526
Kadazan	3,168
Brunei dan Kedayan	1,384
Bajau	608
Murut	391
Sino-Kadazan	388
Bisaya	239
Suluk	180
India	178
Serani	111
Orang Sungai	100
Melayu	84
Filipina	77
Eropah	51
Ilanun	32
Tidong	9
Lain-lain	465
Jumlah Keseluruhan	22,991

Sumber: Disesuaikan daripada *North Borneo Annual Report 1952*. (1952). Information Office, Jesselton, hlm. 64 dan Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29.

Berdasarkan jadual 2 ini jelas menunjukkan 67 peratus daripada jumlah keseluruhan murid-murid yang bersekolah di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah terdiri daripada pelajar berketurunan Cina. Setelah diperhalusi keadaan ini disebabkan oleh faktor kedudukan sekolah-sekolah yang biasanya terletak di kawasan bandar. Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila terdapat ramai kanak-kanak Cina yang bersekolah kerana kebanyakan mereka menetap di kawasan bandar. Sementara itu, keadaan agak sukar bagi kanak-kanak masyarakat bumiputera yang kebiasaannya tinggal di kawasan luar bandar. Hal ini kerana jarak sekolah yang jauh di bandar dan keadaan hidup yang serba kekurangan menyukarkan kanak-kanak bumiputera daripada luar bandar untuk hadir ke sekolah.

Menurut Haji Buyong Adil (1981), pada akhir tahun 1953 terdapat 233 buah sekolah dengan jumlah murid seramai 24,105 orang. 5 buah daripada sekolah tersebut diletakkan di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan Kota Belud. Manakala jumlah guru-guru pula adalah seramai 1,525 orang tetapi hanya sedikit sahaja merupakan guru terlatih. Seterusnya, berdasarkan Colony of North Borneo, *The Education Ordinance* Cap. 164, 1956, Part IX, perenggan 43 menyatakan bahawa pada tahun 1956 ditubuhkan Lembaga Pelajaran yang dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Tempatan sebagai pengerusi, Pengarah Pelajaran sebagai ahli dan orang awam terdiri daripada pelbagai etnik serta kepercayaan agama untuk memperbaiki taraf pendidikan di Sabah. Tugas Lembaga Pelajaran tersebut adalah seperti berikut:

- i. Melapor dan menasihati Gabenor dalam segala perkara mengenai pelajaran, tentang kandungan peraturan yang hendak dikemukakan dan segala perkara yang dianggap penting dalam pelajaran koloni terutamanya dalam hubungannya dengan penubuhan sekolah-sekolah baharu dan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah bebas.
- ii. Melantik satu Jawatankuasa Bertindak (Standing Committee) dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu.
- iii. Membuat sebarang tugas-tugas lain yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran.

Sementara itu, tugas Lembaga Pelajaran Tempatan adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Pengarah Pelajaran dan Lembaga Pelajaran mengenai segala perkara berhubung dengan memajukan pelajaran dan pentadbirannya, pengurusan sekolah-sekolah dan kebajikan kanak-kanak yang bersekolah di daerah masing-masing.
- ii. Lain-lain tugas yang harus dilakukan seperti yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran.

Walaupun penubuhan lembaga pelajaran tersebut memperlihatkan peningkatan positif bidang pendidikan di Sabah tetapi perkembangan tersebut masih lagi terbatas. Hal ini kerana kerajaan British enggan mempercepatkan perkembangan pelajaran terutamanya di peringkat menengah dengan alasan kekurangan guru ataupun tidak mahu merosakkan cara hidup masyarakat bumiputera Sabah yang tinggal di luar bandar. Kenyataan ini jelas melalui petikan ucapan Ronald Turnbull. 1960, dalam Persidangan Keempat Ketua-ketua Anak Negeri pada 9 Oktober 1954 seperti berikut:

"We must not let education take them too far away from their present way of life for if we do that they will be lost"

Walau bagaimanapun, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978) pada tahun 1957 ditubuhkan sekolah menengah pertama kerajaan di Jesselton. Perkara ini merupakan satu perkembangan yang penting kerana kerajaan British yang sebelum ini hanya menekankan pendidikan rendah dilihat mula membuka ruang kepada kanak-kanak bumiputera Sabah untuk mendapatkan pendidikan di sekolah menengah. Namun, bagi membolehkan lebih ramai kanak-kanak bumiputera memasuki sekolah menengah, perlulah memantapkan pelajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dengan menyediakan guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris. Berikutan itu, Maktab Perguruan Kent telah mengadakan kursus bagi melatih guru-guru bahasa Inggeris dengan tujuan untuk mendapatkan tenaga pengajar dalam bahasa tersebut di sekolah-sekolah rendah kerajaan. Dalam tempoh yang sama, 17 orang guru bahasa Inggeris dibawa masuk dari luar negara.

Kempen menggalakkan kanak-kanak bumiputera Sabah belajar sangat berkesan hingga terdapat sekolah rendah Melayu yang menukar bahasa pengantarnya kepada bahasa Inggeris. Berdasarkan *The Annual Summary Report of The Education Dept. 1962* (1963), sekolah pertama yang berbuat demikian adalah sekolah Sekolah Rendah Kebangsaan Semporna pada tahun 1962. Kemuncak kejayaan kempen tersebut adalah apabila Jesselton menjadi tuan rumah Persidangan Pengajaran Bahasa Inggeris kedua dalam bulan September 1962 yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Hong Kong, Filipina, Sarawak dan Brunei. Kemudian menurut Haji Buyong Adil (1981), pada akhir tahun 1959 terdapat sebanyak 9 buah sekolah menengah Inggeris, 3 buah sekolah Cina dan 342 buah sekolah rendah didirikan di Sabah dengan jumlah murid seramai 41,726 di peringkat sekolah rendah serta 3,397 murid di peringkat sekolah menengah. Mohd. Nor Bin Long (1978) turut menyatakan bahawa jumlah murid di Sabah meningkat pada tahun 1962 iaitu terdapat seramai 5,515 murid-murid yang bersekolah menengah di Sabah dan daripada jumlah tersebut seramai 1,050 murid adalah daripada anak-anak bumiputera. Mereka berpeluang mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah apabila *Bridge Class* dibuka di sekolah menengah Inggeris. Pada akhir tahun 1962, Sebagai tambahan kepada sekolah menengah kerajaan yang telah ditubuhkan di Jesselton, kerajaan British di Sabah telah membina sebanyak 7 buah sekolah menengah lagi di daerah seperti Keningau, Ranau, Kudat, Papar, Semporna dan Sipitang.

Namun begitu, jika diperhalusi didapati jumlah anak-anak bumiputera yang mengikuti pendidikan di peringkat menengah masih rendah jika dibandingkan dengan kanak-kanak bukan bumiputera. Punca utama perkara tersebut dikaitkan dengan bilangan murid sekolah Melayu yang lulus darjah 6 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3
Perbandingan Keputusan Peperiksaan Darjah 6 Antara Sekolah, Melayu, Cina dan Inggeris, 1956-1962

Tahun	Sekolah Melayu		Sekolah Inggeris		Sekolah Cina	
	Bil. Mengambil	Lulus	Bil. Mengambil	Lulus	Bil. Mengambil	Lulus
1956	216	185	795	389	733	418
1957	240	227	865	538	767	504
1958	561	333	963	595	818	542
1959	814	574	1078	835	820	563
1960	840	626	1225	864	862	708

1961	913	697	1481	1149	1136	809
1962	1238	760	1893	1036	1432	871

Sumber: *The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962.* (1963). Jesselton: Government Printing Office, hlm. 5-7.

Berdasarkan Jadual 3 ini, dapat disimpulkan bahawa kekurangan anak-anak bumiputera yang melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah turut dipengaruhi oleh kurangnya bilangan mereka yang lulus dalam peperiksaan darjah 6. Jika dibandingkan bilangan pelajar yang lulus darjah 6 antara sekolah Melayu, sekolah Inggeris dan sekolah Cina pada tahun 1956 hingga 1962 didapati sekolah Melayu mempunyai bilangan paling sedikit. Selain itu, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), tidak semua kanak-kanak yang lulus darjah 6 dari sekolah Melayu itu akan mendapat tempat dalam *Bridge Class*. Hal ini kerana hanya murid yang mendapat kelulusan terbaik sahaja akan dipilih. Keadaan inilah yang menyebabkan terdapat lulusan Darjah 6 dari sekolah Melayu yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah. Mereka inilah yang kemudiannya menjadi guru pelatih, memasuki maktab perguruan ataupun memasuki sekolah pertukangan.

Disamping itu, kanak-kanak yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah ini lazimnya terdiri dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan. Keadaan hidup yang serba kekurangan ditambah lagi dengan kedudukan rumah mereka yang terletak di kawasan luar bandar menyebabkan sukar bagi mereka untuk menghadiri sekolah di bandar. Menurut *The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962* (1963), keadaan ini sebenarnya turut disedari oleh pihak kerajaan British yang telah mengeluarkan bantuan kepada kanak-kanak bumiputera di luar bandar untuk menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Sebagai contohnya pada tahun 1962, kerajaan British telah memberikan sejumlah \$340,000 biasiswa kepada seramai 635 kanak-kanak bumiputera lelaki dan perempuan. Sementara itu, berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978) pula sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar terlatih di sekolah Inggeris, sekolah rendah dan sekolah menengah khususnya di Jesselton ditubuhkan sebuah Maktab iaitu Maktab Gaya yang dirasmikan oleh Sir William Goode pada 4 Julai 1963. Maktab ini ditubuhkan sbagai institusi perguruan yang menjadi pusat menyediakan guru-guru terlatih.

Perkembangan Sistem Pendidikan Sabah Selepas Tahun 1963

Sejak mencapai kemerdekaan, aspek pendidikan di Sabah turut mengalami perubahan yang dapat diukur melalui peningkatan dalam kadar celik huruf penduduknya. Sebagai Contohnya, berdasarkan Kassim Hj. Md. Mansur dan Dullah Hj. Mulok (2003), pada tahun 1960 kadar buta huruf di Sabah adalah tinggi dengan hanya 15.2 peratus saja daripada jumlah keseluruhan penduduknya yang celik huruf. Keadaan ini memperlihatkan kemunduran pendidikan khususnya dalam kalangan masyarakat bumiputera di Sabah. Jumlah peratusan kadar celik huruf di Sabah dapat dilihat dengan jelas melalui jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4
Peratusan Kadar Celik Huruf di Sabah, 1960 - 1995

Tahun	Kadar Celik Huruf (%)
1960	15.2
1970	28.9
1980	39.9

1990	88.3
1995	92.6

Sumber: Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat, Kelima, Keenam, Ketujuh, Kelapan. 1976, 1981, 1986, 1991, 1996, 2001, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Berdasarkan jadual 4, secara keseluruhannya jelas memperlihatkan peningkatan peratusan kadar celik huruf yang berkait rapat dengan kemajuan tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat bumiputera di Sabah. Pada tahun 1960 hanya 15.2 peratus sahaja kadar celik huruf di Sabah namun ia meningkat kepada 92.6 peratus pada tahun 1995. Peningkatan ini selaras dengan pertambahan bilangan sekolah dan guru yang terlatih untuk mengajar sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Walau bagaimanapun, didapati masyarakat bumiputera yang tinggal di daerah luar bandar dari segi tahap penguasaan konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira didapati masih lagi pada tahap yang rendah.

16 September 1963, merupakan satu Tarikh penting dalam sejarah Sabah berikutan penisytiharan secara rasmi penubuhan Persekutuan Malaysia. Dalam aspek pendidikan, penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia turut mengubah organisasi dan dasar pendidikan di negeri tersebut. Hal ini kerana untuk mempercepatkan kemajuan pendidikan di Sabah dan mengintegrasikan satu sistem pendidikan kebangsaan, aspek pendidikan telah diletakkan dibawah kementerian Persekutuan. Oleh itu, secara beransur-ansur Sabah menerima pakai dasar-dasar yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1961. Hal ini juga merupakan antara langkah menyeragamkan sistem pendidikan di Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk memberi peluang yang sama rata dalam pendidikan kepada rakyat khususnya masyarakat di luar bandar. Kemudian, pada 16 September 1969 Jabatan Pendidikan Sabah telah diserapkan ke dalam Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menurut Saidatul Nornis Hj. Mahali (2003), bermula pada bulan Januari 1976 urusan pendidikan Sabah diletakkan sepenuhnya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia melalui proses penyeragaman pendidikan Malaysia. Bagi memastikan masyarakat bumiputera di Sabah mendapat pendidikan yang berkualiti lebih banyak sekolah dibina. Menurut Abd. Hakim Mohad (2003), pada tahun 1963 jumlah sekolah kerajaan meningkat daripada 147 buah kepada 517 buah sekolah. Seterusnya pada tahun 1987, terdapat 830 buah sekolah kerajaan, 201 buah sekolah bantuan kerajaan dan 107 buah sekolah lagi adalah sekolah persendirian dengan jumlah pelajar seramai 311,089 murid. Kemudian pada tahun 1996, terdapat sebanyak 1,119 buah sekolah dengan jumlah pelajar seramai 432,705 orang. Berdasarkan *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 1999-2001*, bilangan sekolah ini bertambah kepada 1,217 buah sekolah pada tahun 2000 dengan pelajar seramai 465,928 orang. Peningkatan jumlah sekolah dan bilangan murid ini telah memberi gambaran jelas berhubung kepesatan pembangunan pendidikan di Sabah.

Cabaran Pendidikan Pelajar Bumiputera di Luar Bandar Sabah Selepas Merdeka

Institusi pendidikan dari peringkat sekolah hingga ke universiti bukan sahaja menjadi sebagai saluran agen penyebaran ilmu tetapi merupakan satu elemen pembangunan manusia dan masyarakat untuk melahirkan generasi yang cemerlang. Pendidikan adalah faktor penting dalam mencorak pembangunan sumber manusia bagi sesebuah negara. Dengan kata lain, pendidikan adalah pelaburan jangka panjang dalam menyediakan tenaga mahir. Masyarakat yang mempunyai taraf pendidikan yang berkualiti akan dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Namun seiiring dengan perkembangan arus kemodenan, pelbagai cabaran dihadapi

dalam memastikan bidang pendidikan terus berkembang maju. Di negeri Sabah, antara cabaran utama dalam pendidikan yang sering mendapat perhatian adalah berhubung taraf kualiti pendidikan anak-anak bumiputera di luar bandar. Menurut Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee B. Basrah Bee (2006), walaupun tidak dinafikan berlaku perkembangan dalam aspek pendidikan di negeri tersebut namun kerajaan juga menyedari hakikat bahawa pelajar bumiputera masih jauh tertinggal di belakang kaum lain khususnya dalam peringkat pelajaran menengah dan tinggi. Pada tahun 1963 misalnya, menurut Mohd. Nor Long (1978), bilangan anak-anak bumiputera di sekolah menengah hanya 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar. Situasi ini dengan jelas menunjukkan bahawa sejak awal kemerdekaan lagi anak-anak bumiputera di luar bandar ketinggalan dalam pelajaran khususnya di peringkat sekolah menengah.

Salah satu punca utama hal ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan ibubapa dan keluarga. Berdasarkan Sufean Hussin (2002), 70 peratus populasi Malaysia tinggal di kawasan luar bandar khususnya di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini bermakna Sabah merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai penduduk luar bandar yang ramai dan terdiri daripada kalangan masyarakat bumiputera. Sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, didapati Sabah mempunyai ramai masyarakat bumiputera luar bandar yang hidup dalam keadaan serba kekurangan dan daif. Menurut Jeniri Amir (2016), kadar kemiskinan di Sabah adalah pada paras 19.7 peratus dan merupakan yang tertinggi di Malaysia, iaitu lebih lima kali ganda kadar kemiskinan nasional pada 3.8 peratus. Malah kemiskinan etnik minoriti di Sabah adalah lebih teruk iaitu pada paras 22.8 peratus. Sebagai contohnya, kadar kemiskinan penduduk luar bandar di Sabah antara tahun 1976 hingga 1982 dapat dilihat melalui jadual 5 berikut:

Jadual 5
Kadar Kemiskinan Luar Bandar di Sabah, 1976- 1982

1976 (%)	1979 (%)	1982 (%)
65.7	50.1	36.1

Sumber: Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi & Zulkifli Haji Mustapha. (1986). *Sabah: Perubahan dalam Pembangunan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, hlm. 361.

Berdasarkan jadual 5, dapat dikatakan bahawa faktor kemiskinan merupakan salah satu cabaran atau masalah yang membelenggu masyarakat bumiputera Sabah yang tinggal di kawasan luar bandar. Kemiskinan menjadi salah satu punca utama yang menyebabkan kemunduran pendidikan anak-anak bumiputera di negeri tersebut. Hal ini kerana ibubapa yang miskin dan tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan untuk membiayai kos perbelanjaan seperti yuran sekolah, pakaian dan peralatan persekolahan anak-anak mereka jika melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kesannya, adalah terdapat kalangan anak-anak bumiputera yang tercicir daripada meneruskan persekolahan.

Sementara itu, menurut Mohd. Nor Long (1978), kekurangan pengangkutan atau kenderaan awam juga menjadi satu cabaran yang menambah kesulitan persekolahan anak-anak bumiputera yang tinggal di luar bandar. Situasi inilah menurut Sabihah Osman, et. al. (2006) yang menyebabkan sekolah menengah dilihat lebih dimanfaatkan oleh masyarakat bandar yang terdiri daripada golongan berkemampuan. Kesannya, ramai anak-anak bumiputera yang tinggal di kawasan luar bandar tidak berpendidikan tinggi kerana halangan yang disebabkan oleh kemiskinan ibubapa dan keluarga mereka. Dengan kata lain, keadaan keluarga yang daif

menyebabkan ibubapa tidak dapat menampung kos perbelanjaan pergi balik anak-anak ke sekolah menengah yang biasanya terletak di kawasan bandar.

Di samping itu, sikap ibupada dan masyarakat sekitar juga menjadi cabaran bagi anak-anak bumiputera di luar bandar. Hal ini kerana akibat kemiskinan dan desakan ekonomi, ibubapa pelajar lebih memberi penekanan supaya anak-anak mereka bekerja untuk meneruskan kelangsungan hidup. Bidang pendidikan atau pelajaran tidak menjadi keutamaan kepada anak-anak bumiputera yang tinggal di luar bandar. Keadaan ini memberi kesan terhadap motivasi pelajar yang dilihat kurang berminat untuk datang ke sekolah dan lebih suka membuat kerja-kerja kampung.

Tidak dinafikan terdapat sekolah yang dibina di kawasan luar bandar sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd. Nor Long (1978) bahawa kerajaan mendirikan sekolah menengah di luar bandar seperti di Kemabong, Kota Klias, Taungusi dan Mengatal. Namun kualiti pendidikan bagi anak-anak bumiputera masih menjadi isu kerana kebanyakan sekolah di luar bandar ini mengalami masalah kekurangan kemudahan Infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih, kemudahan asrama, perpustakaan, makmal komputer dan makmal sains. Kekurangan ini bukan sahaja menjadi cabaran dalam kemajuan pendidikan tetapi juga menghalang pelajar daripada mendapat suasana pembelajaran yang selesa seterusnya memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik mereka.

Di Sabah, pada hakikatnya terdapat perbezaan pembangunan antara bandar dan luar bandar. Masih terdapat banyak daerah-daerah luar bandar khususnya di pedalaman Sabah yang ketinggalan dari segi pembangunan. Namun, kekurangan kemudahan Infrastruktur dan kemudahan asas dapat memberi kesan terhadap konsentrasi pelajar dalam pelajaran. Ketiadaan makmal komputer, makmal sains dan perpustakaan juga menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pelajaran kerana tiada alternatif pembelajaran selain apa yang diajarkan oleh guru-guru di dalam kelas. Selain itu, bahan-bahan pembelajaran yang terhad di sekolah luar bandar juga menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran terganggu.

Cabaran seterusnya adalah dari segi keadaan geografi atau lokasi sekolah. Pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar Sabah namun kedudukan yang terletak jauh di kawasan luar bandar, pedalaman dan kawasan pulau-pulau ditambah lagi dengan tidak mempunyai akses jalan raya yang baik menyebabkan kerajaan sukar menyampaikan bantuan. Menurut Zaini Othman (2013) berdasarkan laporan statistik pembangunan jalan raya di Malaysia pada tahun 2007, Sabah mempunyai jalan raya bertaraf batu yang tertinggi di Malaysia. Ini bermakna bahawa terdapat sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar tidak mempunyai jalan raya yang baik. Situasi ini sudah tentu akan menyukarkan kerja-kerja untuk membangunkan kemudahan asas dan prasarana di sekolah terbabit. Malahan jarak yang jauh dengan kawasan bandar juga menyebabkan anak-anak bumiputera di luar bandar tidak berpeluang mendapat pendidikan di bandar yang lebih sempurna dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas.

Cabaran lain yang dihadapi dalam pembangunan pendidikan di Sabah adalah masalah kekurangan guru. Kekurangan guru terlatih dan berpengalaman menjadi punca kepada rendahnya kualiti pendidikan anak-anak bumiputera khususnya di luar bandar. Terdapat guru sekolah luar bandar yang tidak terlatih, guru pelatih atau guru sambilan sahaja. Perkara ini sudah tentu memberikan kesan terhadap kemajuan prestasi pelajar bumiputera di luar bandar kerana mereka tidak mendapat didikan daripada guru-guru yang berpengalaman dan

mempunyai pengetahuan serta kemahiran dalam ilmu perguruan. Perkara ini akhirnya akan memberi kesan buruk terhadap terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kepincangan ini juga menjadi antara pendorong kepada masalah keciciran dan masalah sosial dalam kalangan pelajar di luar bandar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang wujud dalam pembangunan pendidikan pelajar bumiputera luar bandar di Sabah. Namun hasil daripada perbincangan didapati cabaran utamanya adalah dari segi kekurangan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas bagi sekolah yang terletak jauh di kawasan luar bandar. Kedaifan sekolah di kawasan luar bandar dapat mempengaruhi konsentrasi pelajar dalam pencapaian akademik. Di samping itu, jarak sekolah yang jauh daripada kawasan bandar atau sekolah menengah yang kebanyakannya terdapat di bandar, tiada akses jalan raya yang baik, masalah kemiskinan ibubapa dan keluarga, sikap ibubapa dan masyarakat sekitar terhadap pendidikan anak - anak mereka serta kekurangan guru terlatih menjadi cabaran yang saling berkaitan dalam menghalang kemajuan pendidikan anak-anak di luar bandar. Oleh itu, sekiranya Sabah mahu dikenali sebagai sebuah negeri maju, pembangunan pendidikan pelajar di luar bandar tidak harus dipandang ringan. Kerajaan dan masyarakat di kawasan luar bandar perlu memainkan peranan dan mengambil tindakan untuk memastikan masalah infrastruktur dan kemudahan asas dapat ditangani supaya penduduk luar bandar juga dapat menikmati faedah pembangunan sebagaimana masyarakat yang tinggal di bandar. Kerajaan pusat turut disarankan supaya menyalurkan lebih banyak peruntukan untuk memperbaiki prasarana dan kemudahan asas. Pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar bukan sahaja akan meningkatkan lagi taraf pembangunan di kawasan tersebut tetapi juga menjadi pemangkin kecemerlangan prestasi anak-anak bumiputera di Sabah.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

Senarai Rujukan

- Abd. Hakim Mohad. (2003). 'Sabah dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Yayasan Sabah dalam Aspek Pendidikan' dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman (Editor), Kota Kinabalu: Penerbit Univesiti Malaysia Sabah.
- Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya. (1983). *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Mcmillan Publisher Sdn. Bhd.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 1999-2001*, Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Cawangan Sabah.
- Haji Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (2016). "Etnik Sabah dan Sarawak Setelah Setengah Abad Dalam Malaysia", dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali, *Pluralisme Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia.
- Kassim Hj. Md. Mansur dan Dullah Hj. Mulok. (2003). '40 Tahun Sabah Bersama Malaysia: Harapan dan Cabaran Dalam Konteks Globalisasi', dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd Sarim Mustajab dan G. Raman (Editor), Kota Kinabalu: Penerbit Univesiti Malaysia Sabah.

- K.M. George. (1981). 'Historical Development of Education', *Commemorative History of Sabah* (Sabah State Government).
- Mat Zin Mat Kib. (2005). 'Kumpulan etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan' dalam *Warisan Seni Etnik Sabah*, Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Lin (Editor), Kota Kinabalu, Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin Mat Kib. (2016). 'Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah Daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal' dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali (Penyunting), *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mook Soon Sang. (2002). *Pendidikan di Malaysia*, Edisi 8, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nicholas Tarling. (1975). *Britain, The Brookes and Brunei*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- North Borneo Central Archieve No. 1419.
- North Borneo Central Archieve 1436.
- North Borneo News*, 1 Mac 1951.
- North Borneo Annual Report 1952*. (1952). Information Office, Jesselton.
- Perjanjian dan Dokumen lama Malaysia, 1791-1965*. (2013). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat, Kelima, Keenam, Ketujuh, Kelapan. 1976, 1981, 1986, 1991, 1996, 2001, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ronald Turnbull. (1960). 'North Borneo 1954-1959', (kumpulan ucapan), Jesselton: Government Printing Office.
- Sabah dan Yayasan Sabah*. (1974). Kuala Lumpur: Armada Sdn. Bhd.
- Sabihah Osman, Ismail Ali dan Baszley Bee B. Basrah Bee. (2006). *Tun Datu Hj. Mustafa bin Datu Harun, Jasa Baktinya Dalam Pembangunan Sosial di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Hj. Mahali. (2003). 'Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal', dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman (Editor), Kota Kinabalu: Penerbit Univesiti Malaysia Sabah.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2019). 'Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah', dalam *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, Volume 4, Issue 4, August 2019.
- Siaran Perangkaan Tahunan Sabah. (1972). Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Kota Kinabalu.
- Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah, 1881-1963*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan di Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Annual Summary Report of The Education Dept. 1962*. (1963). Jesselton: Government Printing Office.
- The British North Borneo Herald*, 17January 1938.
- Zaini Othman, *50 Tahun Pembentukan Malaysia, Sabah: Cemerlang atau Ketinggalan?* Dewan Masyarakat, Ogos 2013.